

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAHASA PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
DAN PUBLIC BANK

TEMPAT: MENARA TABUNG HAJI, JALAN TUN RAZAK

TARIKH: 30 APR 1986

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim,
Pengerusi Panel Hakim Hadiah Bahasa;
Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Teh Hong Piow,
Pengerusi Public Bank Bhd;

Dif-dif Kehormat;

Saudara-saudari yang saya hormati.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinNya dapat saya ikut serta dalam Majlis Penyampaian Hadiah Bahasa anjuran Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank Bhd. ini. Kepada kedua-dua penganjur, saya mengucapkan terima kasih kerana mengundang saya ke Majlis ini.

2. Soal bahasa, ilmu dan budaya adalah soal yang sama pentingnya dengan bidang-bidang lain seperti politik, ekonomi, keselamatan dan perhubungan antarabangsa. Sejarah menunjukkan bahawa sesuatu tamadun hanya muncul dengan adanya gabungan antara bahasa, budaya dan ilmu.

3. Dalam hubungannya dengan pembinaan tamadun kita, syarat yang sama tetap berlaku. Jika kita menoleh ke zaman gemilang rantau ini sebagai pusat kebudayaan, perdagangan dan kuasa politik, kita dapat melihat perkembangan bahasa, budaya dan ilmu sekaligus. Kegemilangan empayar Melayu pada zaman silam bukan terletak pada kekuatan politik dan ekonomi semata-mata, malah diimbangi oleh kekuatan mental pujangga dan pemikir Melayu. Tokoh seperti Tun Seri Lanang, Hamzah Fansuri, Nuruddin Al-Raniri, Syamsuddin Pasai, Abdul Rauf Singkel dan beberapa tokoh yang lain adalah bukti perkembangan bahasa, ilmu dan pemikiran yang turut menjulang tamadun Melayu silam.

4. Pada zaman yang lebih lewat, tradisi ilmu itu dilanjutkan oleh tokoh seperti Abdul Samad Al-Falambani di Palembang, Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh di Brunei, Arsyad al-Banjari di Banjarmasin, dan Mohd. Ismail Daud Pattani di Patani. Kita tahu juga bahawa dari abad ke-19 hingga awal abad ke-20, kegiatan intelektual Melayu berpusat di Pulau Penyengat, Riau. Di antara ahli-ahli ilmu di situ, Raja Ali Haji merupakan yang paling terkenal. Kemudian

muncul pula Abdullah Munsyi yang dianggap memulakan persuratan Melayu baru itu.

5. Saya menimbulkan lintasan sejarah tentang tradisi ilmu dalam bahasa dan budaya Melayu itu supaya kita semua insaf bahawa kita sudah mempunyai pengkalan dan akar yang kukuh untuk melanjutkan pembinaan tamadun kita. Selain daripada itu, dengan wujudnya tokoh-tokoh ilmu dan persuratan Melayu pada zaman silam itu, saya berharap perkembangan yang telah dilalui itu dapat dijadikan contoh dan cabaran kepada ahli-ahli ilmu kita pada zaman ini. Jika pada zaman yang teknologinya masih rendah, beribu-ribu kitab dan tulisan ilmiah dapat dihasilkan, maka tidak ada alasan kenapa pada zaman yang serba maju ini saudara-saudari tidak dapat menghasilkan karya ilmiah yang lebih banyak.

Saudara-saudari sekalian,

6. Apabila saya membuat seruan supaya rakyat Malaysia mempelajari bahasa-bahasa antarabangsa untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan teknologi moden, ada golongan yang menyatakan bahawa kita tidak cinta kepada bahasa kebangsaan kita. Ada yang menyatakan kita telah mula semula menekankan pembangunan Bahasa Inggeris dan meringan-ringankan pembangunan Bahasa Malaysia.

7. Ramai daripada kita harus maklum bahawa dalam usaha memperolehi ilmu dan teknologi moden, kita perlu menguasai berbagai-bagai bahasa yang menjadi alat perkembangan ilmu dan teknologi itu. Mempelajari bahasa-bahasa lain sama sekali tidak akan mengurangkan rasa cinta kita terhadap bahasa kita sendiri dan tidak akan menjejaskan penguasaan bahasa kebangsaan, jika bahasa itu memang diajar dan dipelajari dengan sempurna. Tambahan pula, yang perlu kita tekankan ialah mempelajari bahasa-bahasa yang menolong kita membangunkan rakyat dan negara.

8. Kerajaan bukan sahaja menggalakkan pengajaran Bahasa Inggeris, sebaliknya kita menggalakkan pengajaran semua bahasa yang penting untuk meluaskan ilmu kita. Kita juga menggiatkan pelajaran bahasa-bahasa lain seperti bahasa Perancis, Jerman, Arab, Jepun dan Korea. Dengan menguasai berbagai bahasa, kita akan lebih terdedah kepada ilmu yang terdapat melalui bahasa-bahasa yang kita pelajari itu. Ini bukanlah satu perkara yang ganjil oleh kerana banyak negara-negara maju yang mengamalkan perkara ini iaitu menggalakkan pengajaran bahasa-bahasa asing termasuk juga mempelajari bahasa kita, Bahasa Malaysia. Harus diingati dan diinsafi bahawa jika tidak ada sama sekali orang Arab yang faham bahasa Melayu dan orang Melayu yang faham bahasa Arab, tidak mungkin kita memeluk agama Islam. Dan setelah memeluk agama Islam tidak mungkin kita mendalami ajaran Islam jika kita faham semata-mata bahasa Melayu. Demikian juga walau bagaimanapun kita cuba, tidak mungkin semua ilmu di dunia ini diterjemahkan ke bahasa kebangsaan. Itu pun jika kita faham bahasa-bahasa asing serta ilmu yang berkenaan untuk menterjemahkannya. Dengan itu, saya ingin

menegaskan bahawa pengajaran bahasa-bahasa asing adalah penting dan tidak akan merendah-rendahkan Bahasa Malaysia. Taraf dan pentingnya Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan dan bahasa ilmu akan terus terjamin.

Saudara-saudari sekalian,

9. Dalam kita membincangkan soal pendidikan pula, saya ingin mengingatkan para hadirin akan jasa dan sumbangan Allahyarham Tun Abdul Razak yang menjadi pengasas Dasar Pendidikan Kebangsaan. Allahyarham mempunyai pandangan yang jauh sewaktu menjadi Menteri Pelajaran sehingga dasar yang diasaskannya kira-kira tiga puluh tahun dahulu dapat kita gunakan untuk membina masyarakat kita. Sejak berbelas tahun yang lalu, bahasa kebangsaan telah kita gunakan sebagai bahasa pengantar ilmu di peringkat pengajian tinggi, sesuatu yang dianggap tidak mungkin pada satu ketika.

10. Sekarang ini di bahu saudara-saudari sebagai ahli ilmu terletak tanggungjawab memenuhi dasar itu. Bukan saja ilmu mesti disampaikan dalam bahasa kebangsaan untuk kuliah dan tutorial, tetapi yang lebih penting ialah ilmu mesti diterokai, ditulis dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Jika hal ini tidak dilakukan, pusat-pusat pengajian tinggi kita akan sarat dengan ilmu yang tidak dapat dikembangkan dan tidak dapat disebarkan. Ilmu akan menjadi beku dalam diri ahli-ahli ilmu semata-mata. Apatah lagi jika ahli-ahli ilmu terus-menerus menumpukan perhatian kepada penulisan ilmiah dalam bahasa asing semata-mata. Kita mungkin dapat menonjolkan ahli ilmiah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana karyanya itu; tetapi kita akan kekurangan bahan bacaan dan rujukan ilmiah dalam bahasa kebangsaan - bahasa yang kita tetapkan sebagai pengantar ilmu. Saya menyeru saudara-saudari sekalian supaya, di samping berusaha mempertahankan pengiktirafan antarabangsa, fikirkanlah juga tanggungjawab saudara-saudari kepada anak-anak bangsa kita yang terdidik dari sekolah rendah hingga ke universiti dalam bahasa kebangsaan. Merekalah golongan yang menentukan sumber ilmu yang tertulis dalam bahasa kebangsaan, dan jumlah golongan ini amatlah besar.

11. Di samping itu, perlulah juga kita fikirkan aspek pembudayaan masyarakat dengan ilmu. Ilmu yang berpusat di institut pengajian tinggi perlu diserapkan ke dalam masyarakat supaya aspek-aspek praktik ilmu itu dapat dimanfaatkan. Dalam hal ini, bahasa yang paling sesuai tentulah bahasa kebangsaan kerana rakyat terbanyak tidak mungkin menguasai bahasa asing yang dikuasai oleh ahli-ahli ilmu. Dalam hubungan ini, perlu saya tegaskan bahawa Kerajaan tidak mendirikan universiti untuk menciptakan golongan elit intelek. Universiti didirikan untuk menjadi agen perubahan masyarakat. Oleh sebab itu sewajarnya ilmu yang dibina di universiti diserapkan ke dalam masyarakat.

12. Berkaitan dengan itulah ahli-ahli ilmu bertanggungjawab menghasilkan karya dalam bahasa kebangsaan. Saudara-saudari

mesti mewujudkan suasana bahawa masyarakat memerlukan buku, atau apa-apa saja bentuk tulisan yang dapat membantu memajukan mereka. Sudah sampai masanya para petani, misalnya, mendapat faedah daripada kajian ahli sains untuk memajukan pertaniannya dengan membaca kaedah memajukan pertanian melalui tulisan yang mudah dalam bahasa kebangsaan.

13. Sesuatu bahasa yang diabaikan oleh golongan intelegnya akan layu dan beku sehingga tidak berdaya untuk bertahan. Di tangan saudara-saudarilah terletaknya nasib bahasa kebangsaan kita. Usahlah disalahkan Kerajaan tentang soal dasar, kerana dasar telah kita bina. Dasar bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar ilmu hanya bererti apabila ada usaha pengisiannya.

14. Jika usaha pengisian itu terhalang oleh sebab-sebab teknik seperti dorongan dan pengiktirafan, maka hal itu dengan mudah dapat diatasi. Pihak pentadbiran universiti pasti perlu menyusun satu rancangan induk untuk menghasilkan buku-buku ilmiah dalam bahasa kebangsaan. Pengiktirafan kepada karya ilmiah dalam bahasa kebangsaan mesti diberikan sebagaimana pengiktirafan itu diberikan kepada karya ilmiah dalam bahasa Inggeris. Jika Public Bank yang tidak bergiat dalam bidang ilmu dapat mengadakan dorongan yang berupa Hadiah Bahasa ini, tidak ada sebab universiti tidak dapat merancang insentif atau kemudahan untuk ahli ilmu menghasilkan buku ilmiah dalam bahasa kebangsaan.

Saudara-saudara sekalian,

15. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada pemenang-pemenang Hadiah Bahasa Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank Tahun 1985. Syabas kepada Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank Berhad yang mewujudkan Hadiah Bahasa ini kepada penulis karya ilmiah dalam bahasa kebangsaan. Saya berharap Hadiah Bahasa ini akan diteruskan sebagai suatu bentuk dorongan dan sambil itu saya berseru agar pihak-pihak lain mengambil daya usaha mewujudkan dorongan-dorongan yang lain pula.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.